

Ucapan: ADHO
453
72/80

Ucapan Yang Berhormat Menteri Pelajaran, Enche
Hussein Onn merasmikan Pembukaan Sekolah (LKTP)
Bukit Goh, Kuantan Pahang pada 20.8.71 jam 3.00
Petang.

Terlebeh dahulu saya ucapkan ribuan terima kaseh kepada Ahli2 Lembaga Pengurus, Guru Besar, Guru2, Ibu-bapa2 dan Murid2 kerana telah menjemput saya merasmikan pembukaan sekolah ini yang telah di-bena dengan harga \$116,000.00.

Bangunan sekolah yang sama2 dapat kita saksikan pada petang ini telah pun di-gunakan oleh murid2 kita semenjak awal tahun ini dan saya di-fahamkan bahawa sekolah ini tidak menghadapi sebarang kesulitan. Ini ialah suatu perkara yang sangat menggalakkan.

Sekolah Bukit Goh ini sungguh pun terletak di-dalam ranchangan kemajuan tanah ia-nya dapat memberi sumbangan yang besar kepada kemajuan pelajaran anak2 kita pada masa akan datang. Saya di-fahamkan juga bahawa di-ranchangan ini pada beberapa tahun akan datang bilangan peserta bertambah besar. Dengan itu bilangan murid2 akan juga bertambah. Apabila ini berlaku Kementerian saya akan menambah kemudahan sekolah ini untuk menampung keperluan pelajaran anak2 kita.

Adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk mengadakan kemudahan2 pelajaran pada anak2 peserta Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan di-mana saja projek itu di-adakan oleh Kerajaan. Dengan ini pada peserta2 yang akan turut mengambil bahagian dalam ranchangan2 pembangunan tanah Kerajaan, saya menyeru agar mereka janganlah khuatir sangat mengenai pelajaran anak2 mereka.

Di-setengah2 tempat kita dapati ramai anak2 tidak bersekolah dan dalam soal ini saya di-fahamkan anak2 itu di-suruh oleh ibu-bapa menolong membuat kerja mereka. Tetapi saya perchaya ibu-bapa di-Bukit Goh tidak mahu perkara ini berlaku kepada anak2 mereka dan sebalek-nya surohlah anak2 itu belajar bersungguh2. Pada ibu-bapa yang menyuruh anak2 mereka menolong ibu-bapa di-ladang, di-sawah dan lain2 kerja, perbuatan itu salah dan ibu-bapa seperti ini terdiri dari golongan yang tidak sedia berkorban untuk kepentingan pelajaran anak2 mereka.

Saya perchaya tuan2 dan puan2 sekalian telah faham di-atas perubahan2 yang di-laksanakan di-sekolah2 kita semenjak tahun lalu. Chita2 Kebangsaan kita itu tidak akan terchapai jika kita sekalian tidak menyokong, melaksana, dan bekerjasama dengan Kerajaan sepenoh2-nya. Dalam soal ini saya menyeru semua pehak termasuklah ibu-bapa dan juga guru2 bekerja dengan satu hati dan bekerja lebeh giat lagi daripada masa2 yang lampau untuk menjamin kejayaan dasar pelajaran kebangsaan kita ini.

Peranan ibu bapa di-dalam pendidekan anak2 kita sangatlah penting. Mereka hendaklah mengambil perhatian berat masaalah ini. Untuk maju, sekolah2 berkehendakkan kerjasama yang erat dari ibu bapa. Ibu bapa harus mengawasi pelajaran dan kelakuan anak2 mereka semasa berada di-rumah dan di-luar sekolah. Masa anak2 itu berada di-sekolah sangatlah singkat, jika di-bandingkan dengan masa anak2 berada di-rumah. Saya dapati satu daripada perkara2 yang menyebabkan anak2 tidak maju dalam pelajaran ialah mereka tidak mempunyai buku2 teks. Perkara saperti ini biasa-nya berlaku di-sekolah2 kebangsaan.

Saya sedar yang sa-tengah2 ibu bapa berpendapatan kechil. Bagi mereka yang berpendapatan kechil banyak usaha di-buat oleh Kerajaan untok menambah mata pendarian-nya saperti penyertaan dalam ranchangan2 pembukaan tanah saperti di-Bukit Goh ini. Sunggoh pun demikian ada ibu bapa yang mampu tidak mahu membeli buku2 teks untok anak mereka. Sikap ini mesti di-ubah. Kementerian Pelajaran juga telah mengarahkan bahawa mereka yang tidak berdaya membeli buku2 teks anak2 dengan sekali gus, belilah dengan chara beransor2 mengikut penggal buku2 teks itu di-gunakan. Ibu bapa mestilah sanggup berkorban masa dan wang ringgit untok pelajaran anak2 mereka.

Kapada guru2 sekalian, teruskanlah tugas2 dan perkhidmatan tuan2 dan puan2 yang baik ini dengan tekun dan penoh minat. Murid2 berkehendakkan panduan dan bimbingan dari guru2 terutama sekali dalam peringkat mereka berada sekarang. Sifat2 taat setia kapada sekolah, negara dan bangsa, hormat-menghormati hendaklah di-lateh kapada murid2 supaya apabila mereka meninggalkan bangku sekolah kelak mereka akan menjadi warganegara yang baik.

Kapada guru2 suka saya menegaskan di-sini bahawa dalam menjalankan tugas2-nya itu tentu sekali mereka akan menempoh berbagai2 kesulitan dan bermacam2 perhubungan. Dalam menghadapi kesulitan2 itu kita haruslah bertenang dan bersikap bijak berazam bahawa kemenangan pasti di-chapai.

Pada hari yang berbahagia ini suka saya mengumumkan bahawa dalam tahun 1971 dan pada tahun 1972 Kementerian Pelajaran akan mengadakan 78 projek2 baru untok sekolah2 rendah dan menengah di-negeri Pahang yang di-jangka menelan belanja lebeh kurang \$4,079,250.00. Di-antara 78 projek itu yang besar sekali ialah pembenaan sabuah Sekolah Menengah Rendah Jengka, Termeloh ia-itu di-dalam ranchangan kemajuan tanah Jengka yang akan menelan belanja lebeh kurang \$350,000. Dengan perbelanjaan yang begitu besar kita akan menyediakan 13 bilek darjah, dua makmal sains, satu makmal sains rumah tangga, sabuah perpustakaan, sabuah workshop dan lain2 kemudahan pelajaran termasuklah padang permainan. Nyatalah pada kita bahawa di-ranchangan pembukaan tanah yang besar saperti di-Jengka ini Kerajaan akan mengadakan sekolah2 menengah untok menampung pelajaran anak2 peserta yang begitu ramai dan berkehendakkan bukan sahaja pelajaran rendah malahan juga pelajaran menengah.

Projek yang kedua besar-nya ialah pembenaan lapan bilek darjah, pejabat, kantin, bilek guru dan lain2 kemudahan untok Sekolah Rendah Kebangsaan, Bandar Pusat Jengka Tigasegi yang di-jangka menelan belanja \$110,000. Maka nyatalah pada kita di-dalam tahun ini sahaja Kementerian Pelajaran akan mengadakan dua buah sekolah di-ranchangan2 kemajuan tanah saperti yang saya sebutkan lebeh awal tadi. Para peserta janganlah kkuatir tentang pelajaran anak2 mereka.

Dengan angka2 yang telah saya sebutkan tadi, maka jelas-lah bahawa perkembangan pelajaran di-negara kita ini berjalan dengan pesat-nya. Satu perkara penting yang timbul daripada kepesatan ini ia-lah pembenaan beberapa buah sekolah di-ranchangan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan di-negara ini. Suka saya mengingatkan bahawa ranchangan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan yang terbesar sekali di-Malaysia ia-lah di-negeri Pahang.

Sa-takat ini 12 buah Sekolah Rendah di-ranchangan2 Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan telah pun siap di-bena, 25 buah ia-lah dalam pembenaan termasuk sa-buah Sekolah Menengah dan sa-belum berakhir-nya Ranchangan Malaysia Kedua, mungkin 26 buah Sekolah Rendah dan 5 buah Sekolah Menengah akan di-kehendaki lagi.

Dalam ranchangan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan di-Jengka tiga-segi sahaja, Kementerian Pelajaran telah meranchangkan 24 buah Sekolah Rendah dan 4 buah Sekolah Menengah. Suka saya menyatakan di-sini bahawa daripada jumlah ini, Kementerian Pelajaran telah pun meluluskan 12 buah Sekolah Rendah dan sa-buah Sekolah Menengah saperti yang telah saya sebutkan terlebih dahulu tadi.

Akhir kata, saya mengambil kesempatan ini menguchapkan ribuan terima kaseh dan tahniah kepada semua pihak yang dapat merayakan upacara pembukaan sekolah Bukit Goh dengan meriah pada petang ini. Saya berharap semoga kerjasama yang erat ini akan berpanjangan.

Dengan segala sukachita saya merasmikan pembukaan Sekolah Bukit Goh, Kuantan, Pahang.



| | |
|----------------|-------|
| No. Siri | 52 |
| No. Penerimaan | 52/80 |